Muka2 baru bakal calon UMNO Perak

Oleh RAJA AHMAD ZAINUDDIN

IPOH, Khamis.— Beberapa muka baru termasuk kalangan pemuda dan wanita dijangka diberi peluang mewakili UMNO Perak dalam pilihanraya umum akan datang.

Terdapat beberapa nama telah disebut-sebut antaranya Encik Mohamed bin Jumrah, bekas pegawai kanan Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNP) yang aktif di Bahagian Bagan Datoh.

Encik Mohamed 37 tahun, kini seorang peniaga telah dicalonkan oleh cawangan Kerdu untuk merebut jawatan Ketua Bahagian yang di sandang oleh Encik Mohamad bin Yaacob Ahli Dewan Undangan Negeri kawasan Rungkup.

Seorang muka baru wanita juga dikatakan mungkin diberi peluang di kawasan Dewan Negeri Hutan Melintang. Kawasan itu sekarang diwakili oleh bekas penyelia KEMAS, Puan Radziah Maharuddin sejak dua penggal lalu.

Di Bahagian Hilir Perak, Ahli Dewan Undangan Negeri kawasan Sungai Manik, Encik Yusof Madin juga mengundurkan diri dan memberi peluang kepada seorang tokoh muda yang sehingga kini masih belum diketahui.

Seorang lagi tokoh lama Encik Darus bin Said disebut-sebut memberikan peluang kepada Timbalan Ketua Bahagian Teluk Anson Encik Arshad Abdullah yang juga Setiausaha Akhbar Menteri Besar Perak.

Encik Darus juga Ketua UMNO Teluk Anson telah mewakili kerusi Dewan Undangan Negeri Changkat Jong sejak dua penggal yang lalu.

Speaker Dewan Undangan Negeri Perak Haji Ahmad Azizuddin bin Haji Zainal Abidin disebut-sebut akan mengundurkan diri di kawasan Belanja.

Beliau yang dipilih dalam pilihanraya 1978 lalu, dikatakan lebih berminat menumpukan semula perhatiannya di bidang perniagaan.

Semasa merasmikan sidang agung UMNO Cawangan Menglembu Utara di sini baru-baru ini, Haji Ahmad Azizuddin telah menyatakan penerimaan sebarang "ketua baru" di mesyuarat agung perwakilan Bahagian Menglembu yang beliau ketuai sekarang.

Kerusi Belanja mungkin dipenuhi oleh seorang anak tempatan Encik Zaman Saufi, yang juga Setiausaha Bahagian Parit. Beliau seorang guru sekolah sebelum ini adalah seorang Ketua Pemuda.

Kekosongan

Ketua Pemuda UMNO Bahagian tersebut, Encik Ahmad Hambal, seorang guru besar sekolah dikatakan mungkin mengisi kekosongan kerusi Parlimen Parit oleh wakil rakyatnya sekarang Encik Bakri Abdul Rais.

Encik Bakri yang juga Timbalan Ketua Bahagian telah dua penggal mewakili kerusi tersebut dan beliau dipercayai menolak tawaran pertantikan Setiausaha Parlimen dalam rombakan Kabinet sedikit masa dulu sebagai alasan ingin menarik diri kali ini.

Encik Ahmad Hambal disebut-sebut sebagai orang yang berkelayakan bukan sahaja dari ketokohannya, tetapi juga seorang lepasan universiti.

Bagi kerusi Bota pula, yang kini diwakili oleh seorang anggota wanita, Puan Hajjah Rokiah Kayat, Bahagian berkenaan juga dikatakan kini mempunyai seorang calon baru.

Setiausaha Politik Menteri Besar Haji Khalid Nasir yang mengetuai UMNO Bahagian Taiping juga dikatakan mempunyai peluang cerah sebagai salah seorang calon UMNO kali ini.

Ketua Pemuda UMNO Matang, Encik Ruslan Abdul Hamid, seorang guru yang terpaksa mengundurkan diri dari mengekalkan jawatan itu juga dikatakan mungkin diberi peluang mewakili salah satu kerusi di Bahagiannya.

Di Parit Buntar pula, tempat Encik Ismail Abdul Rauf, selaku Ahli Dewan Undangan Negeri kawasan Simpang Lima, dijangka dipenuhi oleh seorang muka baru.

Krisis

Sehingga ini nama Ketua Penolong Setiausaha Kerajaan Perak, Encik Abdul Raman bin Suliman dikatakan sebagai pilihan utama.

Encik Ismail yang dipilih sejak tiga penggal lalu, pernah membayangkan hasratnya mengundurkan diri untuk membuka jalan kepada orang baru.

Sebelum tercetusnya krisis di Bahagian Parit Buntar, Encik Ismail adalah bekas Timbalan Ketua Bahagian.

Satu lagi kerusi UMNO iaitu di kawasan Dewan Undangan Negeri Kuala Kurau yang terlepas ke tangan PAS juga akan diisi oleh seorang muka baru dalam usaha mengembalikan semula pengaruh UMNO di situ dan calon yang dikatakan dipilih ialah Encik Abdul Rashid bin Rahim, bekas Ketua Pemuda Parit Buntar.

Beberapa muka baru juga mungkin diketengahkan di Bahagian Bagan Serai. Ini berikutan dengan kerusi Parlimen di situ yang dikatakan akan dikosongkan oleh bekas Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, Datuk Haji Ramli Omar yang tewas dua undi dalam mengekalkan jawatan selaku Ketua Bahagian tidak lama dulu.

Ketua Pemuda Kuala Kangsar, Ustaz Basri Haji Mohamed, Ketua Pemuda Menglembu Toh Muda Dr Abdullah Fadzil Che Wan dan pemimpin Belia 4-B Batang Padang, Encik Mustapha Abdullah adalah antara mereka yang disebut-sebut mungkin turut diberi peluang.

Adalah dijangkakan pemilihan muka-muka baru itu termasuk dari pemuda dan wanita juga diambil kira dari ketokohan, sekiranya mereka turut bertanding merebut sebarang jawatan di mesyuarat agung perwakilan Bahagian masing-masing tidak lama lagi.

Kedudukan wakil rakyat UMNO sama ada di peringkat Parlimen atau Dewan Undangan Negeri di beberapa Bahagian lagi termasuk Grik dipercayai tidak berlaku perubahan.

Ketiga-tiga wakil rakyat Grik sekarang termasuk Menteri Besar Perak Datuk Seri Haji Wan Mohamed bin Haji Wan Teh yang juga Ketua UMNO Negeri dikatakan masih dikehendaki dalam pilihanraya umum.

Letak kereta denda $400

MELAKA, Khamis — Seorang jurujual kereta yang "berdegil" tidak membayar 20 tiket letak kereta berjumlah $600, akhirnya terpaksa membayar sebanyak $400.

Dalam perbicaraan Mahkamah Majistret di sini hari ini, Lee Meng Jeen atau Albert Lee, 30 tahun, mengaku bersalah ke atas 20 tuduhan tidak membayar 20 tiket letak kereta antara 17 Mei 1979 dan 29 Jun tahun yang sama.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia